

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tahun Ketiga Dalam Sains Farmasi

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1987/88

FEL 303.20 - Prinsip-Prinsip Pembungkusan

Tarikh: 26 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 11.00 pagi  
(2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

Soalan I

Bahan plastik untuk membuat pembungkus mengandungi komposisi yang tertentu. Bincangkan komposisi plastik yang boleh menghasilkan pembungkus yang mampu menjalankan semua fungsi asas pembungkus.

(25 markah)

Soalan II

Sebuah syarikat farmaseutikal ingin mengeluarkan suatu sistem pembungkus untuk sediaan tabletnya. Terangkan bahan-bahan pembungkus yang boleh digunakan untuk memenuhi semua fungsi sistem pembungkus ini.

(25 markah)

...3/-

Soalan III

- (A) Sungguhpun kaca merupakan suatu bahan pembungkus yang teguh dan tegar, kaca juga mempunyai beberapa masalah yang tertentu. Bincangkan masalah-masalah ini dan cara-cara untuk mengatasinya.

(10 markah)

- (B) Bincangkan peranan sifat sediaan farmaseutik dan cara ia digunakan didalam memilih jenis dan rekabentuk penutup yang sesuai.

(15 markah)

Soalan IV

Bincangkan mengenai 2 daripada proses-proses berikut serta faktor-faktor yang mempengaruhinya. Berikan cadangan-cadangan yang dapat dilakukan supaya proses-proses itu boleh direncatkan.

- (A) Penelapan
- (B) Jerapan
- (C) Pelarutresapan

(25 markah)

Soalan V

- (A) Bincangkan kenapa ujian-ujian terhadap pembungkus dan ramuan-ramuannya perlu dilakukan.

(15 markah)

- (B) Terangkan dengan ringkas ujian-ujian biologiikal yang biasa dilakukan terhadap pembungkus dan ramuannya.

(10 markah)

-ooo00ooo-